

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**TAHAP KESEDARAN PEKERJA PEMBINAAN TERHADAP  
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN: KAJIAN  
DI TAPAK PEMBINAAN SA2 LOGISTIC HUB**



**MD FADLIE BIN ABDUL RANI**

**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

**SARJANA SAINS PENGURUSAN KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
DISEMBER 2016**

**TAHAP KESEDARAN PEKERJA PEMBINAAN TERHADAP KESELAMATAN  
DAN KESIHATAN PEKERJAAN: KAJIAN DI TAPAK PEMBINAAN SA2  
LOGISTIC HUB**

**Oleh**

**MD FADLIE BIN ABDUL RANI**



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

**Kertas Projek ini Diserahkan kepada  
Kolej Perniagaan,  
Universiti Utara Malaysia,  
Untuk Memenuhi Keperluan bagi Ijazah Sarjana Sains**



**KOLEJ PERNIAGAAN**  
(College of Business)  
**Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERTAS KERJA PROJEK**  
(Certification of Project Paper)

Saya, mengaku bertandatangan, memperakukan bahawa  
(*I, the undersigned, certified that*)

**MD FADLIE BIN ABDUL RANI (807850)**

Calon untuk Ijazah Sarjana

(*Candidate for the degree of*) **MASTER OF SCIENCE (OCCUPATIONAL  
SAFETY AND HEALTH MANAGEMENT)**

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk  
(*has presented his/her project paper of the following title*)

**TAHAP KESEDARAN PEKERJA PEMBINAAN TERHADAP  
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN: KAJIAN DI TAPAK  
PEMBINAAN SA2 LOGISTIC HUB**

Seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek  
(*as it appears on the title page and front cover of the project paper*)

Bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan  
meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.

(*that the project paper acceptable in the form and content and that a satisfactory  
knowledge of the field is covered by the project paper*)

Nama Penyelia : **EN. MOHD RASUL BIN MOHAMMAD NOOR**  
(*Name of Supervisor*)

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
(*Signature*)

## **KEBENARAN MENGGUNAKAN KERTAS PROJEK**

Kertas projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengurniaan Ijazah Sarjana Universiti Utara Malaysia. Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada Kertas Projek ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran Penyelia Kertas Projek atau Dekan Pusat Pengajian Siswazah Othman Yeop Abdullah terlebih dahulu.

Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada pengkaji. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan ke atas Kertas Projek ini dilakukan. Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan Kertas Projek ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:

Dekan Pusat Pengajian Siswazah Othman Yeop Abdullah  
Universiti Utara Malaysia

06010, UUM Sintok

Kedah Darul Aman

## ABSTRAK

Kertas projek ini disediakan bertujuan untuk mengkaji tahap kesedaran pekerja pembinaan di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Tapak pembinaan SA2 Logistic Hub dipilih sebagai kawasan kajian kerana pekerja sentiasa terdedah kepada risiko dan bahaya keselamatan dan kesihatan. Satu pembolehubah bersandar iaitu tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan terdapat tiga pembolehubah tidak bersandar iaitu komitmen pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja, fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja telah dikenalpasti. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian dan data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*. Hasil kajian ini mendapati pekerja pembinaan di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan ketiga-tiga pembolehubah mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi tahap kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Hasil perbandingan di antara ketiga-tiga pembolehubah mendapati faktor latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja merupakan pembolehubah yang paling dominan mempengaruhi kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan SA2 Logistics Hub.

## ABSTRACT

This paper is aim to examine the level of occupational safety and health awareness of construction workers at SA2 Logistic Hub construction site. SA2 Logistic Hub construction site is chosen for this study because their workers are exposed to risk and safety and health hazards. One dependent variable was chosen namely level of occupational safety and health awareness and three independent variables, namely, commitment of workers to safety and health at workplace, function of safety and health committee at the workplace and occupational safety and health training at workplace have been identified. A questionnaire was used as research instrument and the data were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS). The results of this study found that construction workers on a construction site SA2 Logistic Hub have a high level of awareness of occupational safety and health and all three variables have a significant influence on the level of occupational safety and health awareness. The comparison between these three variables resulted occupational safety and health training at workplace is the most dominant variables affecting the level of occupational safety and health awareness among construction workers at SA2 Logistic Hub construction site.

Universiti Utara Malaysia

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya berjaya menyempurnakan kertas projek ini bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Universiti Utara Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada En. Mohd Rasul Bin Mohammad Noor, selaku penyelia kertas projek ini yang telah banyak memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar dengan penuh kesabaran sehingga kertas projek ini berjaya disiapkan.

Di sini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih buat ibu-bapa saya, isteri tercinta serta anak – anak saya yang tidak jemu memberi sokongan dan dorongan dalam pengajian saya di peringkat sarjana.

Akhir sekali, penghargaan buat organisasi yang terlibat dalam kajian ini iaitu Kajima (Malaysia) Sdn. Bhd. selaku kontraktor utama bagi projek pembinaan SA2 Logistic Hub kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di tapak pembinaan tersebut.

Sekian, terima kasih.



## SENARAI KANDUNGAN

<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
Perakuan Kertas Kerja Projek	i
Kebenaran Menggunakan Kertas Projek	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xi
Senarai Singkatan	xii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Skop Kajian	11
1.8 Struktur Kajian	12
1.9 Definisi Konseptual dan Operasional	13
1.9.1 Kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja	13
1.9.2 Komitmen pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja	13
1.9.3 Fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja	14
1.9.4 Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja	15

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.0 Pengenalan	16
2.1 Perkembangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia	16
2.2 Perundangan Berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia	17
2.2.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994	17
2.2.2 Akta Kilang dan Jentera 1967	18
2.3 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	18
2.4 Budaya Keselamatan	23
2.5 Kesedaran Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	24
2.5.1 Komitmen Pekerja Terhadap Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja	25
2.5.2 Fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja.	27
2.5.3 Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja	30

## **BAB 3 KAEDAH KAJIAN**

3.0 Pengenalan	32
3.1 Kerangka Kajian	32
3.2 Rekabentuk Kajian	34
3.3 Populasi	34
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	35
3.5 Rekabentuk Soal Selidik	37
3.5.1 Prosedur Pengumpulan Soal Selidik	39
3.6 Teknik Menganalisis Data	39
3.6.1 Statistik Deskriptif	40
3.6.2 Ujian Korelasi	40
3.6.3 Ujian Regresi Berganda	40
3.7 Analisis Kebolehpercayaan	40
3.8 Kesimpulan	42

## **BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	43
4.2 Maklumbalas Soal Selidik	43
4.3 Analisis Peratusan dan Analisis Kekekapan	44
4.3.1 Latar Belakang Responden	44
4.4 Analisis Korelasi	47
4.5 Analisis Regresi	48
4.6 Perbincangan Hasil Kajian	50
4.6.1 Objektif 1: Mengenal pasti hubungan di antara faktor komitmen pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	50
4.6.2 Objektif 2: Mengenal pasti hubungan di antara fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	52
4.6.3 Objektif 3: Mengenal pasti hubungan di antara faktor latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	53
4.6.4 Objektif 4: Untuk menentukan faktor yang paling mempengaruhi kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	55
4.9 Kesimpulan	56

## **BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1 Pengenalan	57
5.2 Kesimpulan	57
5.3 Cadangan	59
5.3.1 Cadangan Kepada Organisasi	59
5.3.2 Cadangan Kepada Kajian Lanjutan	61
5.4 Penutup	62

<b>RUJUKAN</b>	<b>63</b>
----------------	-----------

## **LAMPIRAN**



## SENARAI JADUAL

<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>MUKA SURAT</u></b>
Jadual 1.1: Statistik Kemalangan Maut Mengikut Sektor bagi Bulan Januari Hingga Ogos 2016	7
Jadual 3.1: Jadual untuk Menentukan Saiz Sampel Kajian	35
Jadual 3.2: Rekabentuk Soal Selidik	37
Jadual 3.3: Skala Pengukuran Dalam Soal Selidik	39
Jadual 3.4: Keputusan Ujian Kebolehpercayaan	41
Jadual 4.1: Rumusan Analisis Edaran dan Pengumpulan Soal Selidik	43
Jadual 4.2: Analisis Taburan Kewarganegaraan Responden	44
Jadual 4.3: Analisis Taburan Pengalaman Bekerja Responden dalam Sektor Pembinaan	45
Jadual 4.4: Analisis Taburan Umur Responden	46
Jadual 4.5: Analisis Taburan Bidang Pekerjaan Responden	46
Jadual 4.6: Analisis Korelasi bagi Faktor yang Mempengaruhi Kesedaran Pekerja Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja.	48
Jadual 4.7: Analisis Regresi bagi Faktor yang Mempengaruhi Kesedaran Pekerja Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja.	49

## SENARAI RAJAH

### PERKARA

### MUKA SURAT

Rajah 1.1: Statistik Kemalangan Industri bagi Tahun 2005, 2010 Dan 2015	7
Rajah 1.2: Ringkasan Wawasan Jangka Panjang untuk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia	8
Rajah 2.1: Model Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ILO-OSH 2001	21
Rajah 2.2: Model Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001	22
Rajah 3.1: Kerangka Kajian	32
Rajah 3.2: Carta Alir Proses Terlibat Dalam Kajian	33
Rajah 3.3: Kaedah Pengumpulan Data Kajian	36
Rajah 4.1: Garis Panduan Keputusan Ujian Korelasi	47



## SENARAI SINGKATAN

KKP	-	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
NIOSH	-	National Institute of Occupational Safety and Health
JKKP	-	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
AKJ 1967	-	Akta Kilang dan Jentera 1967
AKKP 1994	-	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
KWSP	-	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
CIDB	-	Construction Industry Development Board



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan aspek penting yang dapat membantu kelancaran aktiviti dalam industri pembinaan. Kesedaran semua pihak terhadap kepentingan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini dapat mendorong kewujudan persekitaran yang positif di tempat kerja termasuklah di industri pembinaan. Industri pembinaan merupakan salah satu industri yang menyumbang kepada kekayaan negara bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia (Sulastre & Faridah, 2011). Usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam industri pembinaan menjadi keutamaan di setiap negara di seluruh dunia kerana industri pembinaan menjadi salah satu penyumbang utama ekonomi dan berada di kedudukan tertinggi dalam kadar kecederaan dan kematian di tempat kerja berbanding industri lain (Bhattacharjee & Gosh, 2011).

Menurut Garavan dan O'Brien (2001), tingkahlaku atau sikap pekerja adalah penyebab utama berlakunya kemalangan dalam industri pembinaan. Oleh itu, majikan perlu mengadaptasikan taktik dan pendekatan secara menyeluruh yang tidak hanya memfokuskan kepada meningkatkan persekitaran kerja fizikal, tetapi juga kepada pembentukan tingkah laku, sikap, kepercayaan dan kesedaran pekerja yang membawa kepada tingkahlaku selamat seterusnya kepada pematuhan keselamatan (Sulastre & Faridah, 2011). Secara umumnya, majikan sedar mereka bertanggungjawab untuk mematuhi dan melaksanakan program keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mereka



seperti mana yang dinyatakan di dalam Seksyen 15 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri kepada pekerja mereka). Oleh yang demikian, majikan atau kontraktor boleh dikatakan merupakan golongan yang utama dalam menentukan keselamatan dan kesihatan kepada pekerjanya.

Selain daripada itu, pekerja juga memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Menurut Bennet (2002), pekerja bukanlah suatu alat atau objek pengeluaran, setiap orang perlu terlibat dalam peningkatan persekitaran kerja yang selamat dan terlibat dalam semua peringkat mengenai isu-isu yang memberi kesan kepada kehidupan mereka. Oleh itu, perspektif atau pandangan pekerja perlu dipertimbangkan dalam melaksanakan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Sehubungan dengan itu, pihak majikan perlu mewujudkan persekitaran kerja yang positif dengan meningkatkan pematuhan kepada keperluan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Jamal Khan, 2006). Menurut Jamal Khan (2006), antara alasan ketidakpatuhan pekerja ialah tidak mengetahui peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan, peraturan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja sukar untuk diikuti, rasa tidak selesa apabila terpaksa mengikut peraturan atau langkah-langkah keselamatan dan sindrom “kemalangan tidak akan melibatkan saya”. Oleh itu, kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja perlu ditingkatkan bagi mengubah sikap dan tingkah laku mereka kepada sikap mengutamakan keselamatan seterusnya membudayakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Majikan dan pekerja harus menyedari kepentingan isu-isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja (Fong Chan Onn, 2000). Menurut Lee Lam Thye (1999), cara yang berkesan untuk mewujudkan kesedaran adalah terletak pada komitmen majikan dan pihak pengurusan. Pihak majikan dan pihak pengurusan bertanggungjawab untuk mewujudkan ciri-ciri budaya selamat bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Ianya dapat dilakukan melalui pelaksanaan sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

## **1.2 Latar belakang Kajian**

Kajima (Malaysia) Sdn. Bhd. ditubuhkan bertujuan untuk membina kemudahan bangunan pengeluaran iaitu kilang terutamanya bagi pengeluar atau pembuat peralatan elektronik dari Jepun. Pada masa kini, syarikat ini telah terlibat dengan pelbagai aktiviti pembinaan seperti pembinaan bangunan tinggi, infrastruktur dan bangunan pusat membeli belah. Kajima (Malaysia) Sdn. Bhd. merupakan kontraktor asing pertama di Malaysia yang mendapat persijilan OSHAS 18001 bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan di mana telah meningkatkan kepercayaan pelanggan kepada syarikat terutama dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Bagi tujuan kajian ini, projek SA2 Logistic Hub dipilih untuk melihat tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Projek ini ialah projek pembinaan sebuah pusat logistik yang mempunyai 3 blok gudang 2 tingkat yang terletak di Seksyen 22, Shah Alam, Selangor. Projek ini bernilai lebih kurang RM337 juta dan tempoh pembinaan projek ini bermula pada 26 April 2016 dan

dijangka akan siap sepenuhnya pada 21 March 2018. Bagi menjayakan projek ini, syarikat telah melantik sub-kontraktor di bawahnya bagi menjalankan kerja tanah, cerucuk, bangunan dan mekanikal dan elektrik. Setiap sub-kontraktor yang terlibat telah menggaji pekerja dari pelbagai jenis bidang pekerja binaan yang terdiri daripada pekerja am sehingga pekerja mahir bagi melakukan kerja-kerja di tapak pembinaan.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Tapak pembinaan merupakan tempat bekerja yang merbahaya disebabkan terdapatnya risiko berlakunya kemalangan (Sawacha, 1999). Menurutny lagi, alasan yang seringkali diberikan adalah untuk mengejar dan memfokuskan kepada kemajuan kerja, masa pembinaan yang terhad, kos pembinaan yang terhad dan kualiti kerja berbanding untuk menitikberatkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan. Menurut Mohamad Rafi (1996), banyak organisasi atau syarikat yang tidak mempunyai perancangan pencegahan kemalangan yang efektif di tapak pembinaan terutamanya syarikat pembinaan kecil yang terlibat dengan projek pembinaan berskala kecil.

Statistik kes kemalangan yang telah dilaporkan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan seperti dalam Jadual 1.1 di bawah menunjukkan sektor pembinaan mencatatkan bilangan kes kematian akibat kemalangan berkaitan pekerjaan yang tertinggi berbanding sektor lain bagi bulan Januari hingga bulan Ogos bagi tahun 2016. Selain itu, menurut Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di dalam Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020 seperti dalam Rajah 1.1, sebanyak 51,829 kemalangan industri telah dilaporkan pada tahun 2005. Analisis menunjukkan berlaku 6.93 kemalangan maut bagi setiap 100,000 pekerja dan 5.16 kemalangan bagi

setiap 1,000 pekerja. Pada tahun 2015, bilangan kemalangan menurun kepada 38,753 kes. Manakala kadar kemalangan maut bagi setiap 100,000 pekerja pula menurun kepada 4.84 dan kadar kemalangan bagi setiap 1,000 pekerja menurun kepada 2.81.

Kemalangan yang tinggi dalam sektor pembinaan boleh menyebabkan negara kehilangan tenaga kerja dan kerugian harta benda pada setiap tahun. Menurut Cooper dan Philips (2004), kejadian kemalangan di tempat kerja akan menyebabkan majikan terpaksa menanggung kos seperti pampasan pekerja dan kos perubatan, kos penyiasatan kemalangan, dan kos perundangan. Menurut Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (2016), negara juga perlu membayar dan memberi pampasan melalui Pertubuhan Kebajikan Sosial bagi kecederaan berkaitan pekerjaan, penyakit pekerjaan dan kematian kepada penjarum bagi kedua-dua Skim Insuran Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Oleh itu, jelas menunjukkan terdapat keperluan untuk meningkatkan tahap kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Menurut Vredenburg (2002), usaha meningkatkan tahap kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja perlu mengambil kira aspek penglibatan pekerja, latihan keselamatan, sistem ganjaran, komitmen pengurusan dan komunikasi serta maklum balas di antara majikan dan pekerja. Komitmen dan penglibatan pekerja merujuk kepada peluang yang diberikan oleh majikan kepada pekerja dalam memberikan pendapat dan membuat keputusan berkaitan isu-isu keselamatan. Komitmen pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah penting bagi mewujudkan kerjasama di antara pekerja dan majikan dalam aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Dalam industri pembinaan, kebanyakan kes kecederaan berlaku di tempat kerja adalah disebabkan oleh pekerja tidak diberi latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang mencukupi atau langsung tidak diberi latihan (Grossman, 1996). Latihan keselamatan merupakan elemen asas yang menjadikan program keselamatan lebih efektif. Selain itu, latihan keselamatan berupaya meningkatkan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.


Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja ialah sekumpulan orang yang dilantik terdiri daripada wakil majikan dan wakil pekerja (Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan, 2005). Peranan yang dimainkan oleh jawatankuasa ini adalah penting di tempat kerja. Selain daripada mewujudkan peluang penglibatan pekerja dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja, jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan juga berperanan dalam pembentukan dasar keselamatan dan perancangan serta pelaksanaan program-program bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Doke (1997) menyatakan bahawa jawatankuasa keselamatan yang diwakili oleh pihak majikan dan golongan pekerja dapat menyumbang kepada peningkatan tahap kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Persoalannya di sini, adakah jawatankuasa ini berfungsi dan berperanan seperti mana yang sepatutnya dalam meningkatkan tahap kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Jadual 1.1

Statistik Kemalangan Maut Mengikut Sektor bagi Bulan Januari Hingga Ogos 2016

Bil.	Sektor	Maut												Jumlah	
		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis		
1	Pengilangan	1	2	4	4	8	6	4	3						32
2	Perfombongan Dan Kuari	0	0	0	2	1	1	0	4						8
3	Pembinaan	5	5	7	19	7	9	2	1						55
4	Pertanian, Perhutanan Dan Perikanan	2	6	1	2	2	1	0	0						14
5	Kemudahan	0	0	0	0	0	0	0	0						0
6	Pengangkutan, Penyimpanan Dan Komunikasi	2	0	0	1	1	1	2	1						8
7	Perdagangan Borong Dan Runcit	0	0	0	0	0	0	0	0						0
8	Hotel Dan Restoran	2	0	1	0	0	0	0	0						3
9	Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Pemiagaan	1	1	1	5	2	1	0	0						11
10	Perkhidmatan Awam Dan Pihak Berkuasa Berkanun	1	1	0	0	0	0	1	1						4
<b>Jumlah</b>		<b>14</b>	<b>15</b>	<b>14</b>	<b>33</b>	<b>21</b>	<b>19</b>	<b>9</b>	<b>10</b>						<b>135</b>

Sumber: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (2016)



Rajah 1.1

Statistik Kemalangan Industri bagi Tahun 2005, 2010 dan 2015

Sumber: Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016 – 2020

Rajah 1.2 di bawah menunjukkan Pelan Pembangunan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2006 - 2020. Dalam rajah itu, dinyatakan bahawa, antara wawasan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi tahun 2015 hingga 2020 adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi mencapai sasaran mewujudkan budaya keselamatan di kalangan pekerja di Malaysia.



Rajah 1.2  
*Ringkasan Wawasan Jangka Panjang untuk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia*

**Sumber:** Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (2016).

Kajima (Malaysia) Sdn Bhd sebagai salah satu syarikat pembinaan juga tidak terlepas daripada isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Sepanjang tempoh projek SA2 Logistics Hub ini dijalankan iaitu bermula dari bulan Mei hingga bulan September 2016, terdapat 2 kemalangan nyaris telah berlaku di tapak pembinaan ini dimana kedua-dua kemalangan tersebut disebabkan oleh kecuaiannya pekerja. Pihak syarikat merasa bimbang dengan situasi tersebut dan berharap kemalangan melibatkan kecederaan dan kematian dapat dielakkan.

Walaupun pelbagai usaha dan program berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dijalankan di tapak projek SA2 Logistic Hub bagi meningkatkan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan melaksanakannya sepanjang projek berlansung.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan-persoalan kajian yang akan dikaji dalam kajian ini ialah:

- i. Adakah terdapat hubungan di antara komitmen pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja?
- ii. Adakah terdapat hubungan di antara fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja?
- iii. Adakah terdapat hubungan di antara latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja?



- iv. Apakah faktor yang paling mempengaruhi kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja?

### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut:

- i. Mengetahui hubungan di antara komitmen pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.
- ii. Mengetahui hubungan di antara fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.
- iii. Mengetahui hubungan di antara latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.
- iv. Menentukan faktor yang paling mempengaruhi kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dilaksanakan ini dapat menyumbang dan memberi manfaat kepada umum, industri dan organisasi atau syarikat yang terlibat dalam melaksanakan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Antara kepentingan – kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

i. Implikasi teori

Kajian ini diharapkan agar dapat menjadi panduan asas dan membekalkan maklumat-maklumat tentang faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Selain itu, kajian ini penting sebagai panduan atau sumber rujukan kepada organisasi bagi mengkaji keberkesanan program keselamatan dan kesihatan yang dijalankan di organisasi terutamanya bagi syarikat-syarikat pembinaan.

ii. Implikasi praktikal

Organisasi terlibat iaitu Kajima (Malaysia) Sdn Bhd dapat memanfaatkannya sebagai sumber rujukan dalam merancang dan melaksanakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lebih efektif dengan memfokuskan kepada kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan, seterusnya secara tidak langsung membantu negara Malaysia mewujudkan budaya keselamatan di kalangan pekerja di Malaysia.

### **1.7 Skop Kajian**

Dalam menjalankan kajian mengenai tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini, pengkaji telah menghadkan kajian ini dan hanya memfokuskan kepada skop-skop berikut:

- i. Kajian yang dijalankan terhad kepada latar belakang dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan Projek SA2 Logistics Hub, Shah Alam, Selangor.

- ii. Responden yang terlibat dalam kajian ini dihadkan kepada pekerja pembinaan yang terlibat secara langsung dengan kerja-kerja di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub yang dendalikan oleh Kajima (Malaysia) Sdn. Bhd.

## **1.8 Struktur Kajian**

Kajian yang dijalankan ini mengandungi lima bab yang menerangkan secara keseluruhan berkaitan tajuk kajian yang dijalankan. Dalam bab 1, penjelasan dan perbincangan dibahagikan kepada sub topik pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian dan definisi operasional yang digunakan dalam kajian.

Di dalam Bab 2 pula, huraian dan perbincangan dibuat tentang kajian literatur mengenai perkembangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia, perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diguna pakai di Malaysia, kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan, faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan juga kajian – kajian lepas mengenai kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Bab 3 adalah perbincangan mengenai kaedah kajian ini yang dibahagikan kepada sub topik mengenai kerangka kajian, rekabentuk kajian, reka bentuk borang soal selidik, kaedah pengumpulan data dan teknik menganalisis data yang digunakan dalam kajian ini.

Bab 4 adalah analisis data yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan keputusan analisis dibincangkan. Seterusnya rumusan daripada analisis dilakukan berserta kesimpulan yang diperolehi daripada analisis yang telah dilakukan. Manakala

dalam Bab 5 pula, kesimpulan terhadap kajian yang dilakukan, membuat cadangan kepada organisasi kajian berdasarkan kepada keputusan kajian dalam Bab 4. Cadangan bagi kajian lanjutan juga dinyatakan di dalam Bab 5.

## **1.9 Definisi Konseptual dan Operasional**

### **1.9.1 Kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.**

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), kesedaran ditakrifkan sebagai perihal atau rasa sedar; keinsafan atau ingatan. Manakala keselamatan dan keselamatan pekerjaan pula ditakrifkan sebagai suatu persekitaran pekerjaan yang bebas dari segala bahaya kemalangan dan ancaman kesihatan bukan sahaja kepada orang yang bekerja, tetapi juga kepada orang awam yang terjejas akibat daripada aktiviti pekerjaan yang dijalankan (National Institute of Occupational Safety & Health, 2001). Tempat kerja ertinya premis tempat orang-orang bekerja atau premis yang digunakan untuk penyimpanan loji atau bahan (Akta Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan, 1994). Kesedaran keselamatan dan kesihatan di tempat kerja ditakrifkan sebagai mempunyai pengetahuan mengenai risiko, bahaya dan akibatnya yang dikaitkan dengan aktiviti kerja yang dilakukan di tempat kerja (Smallwood, 2008)

### **1.9.2 Komitmen pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja**

Komitmen didefinisikan sebagai sikap samada pendirian atau perbuatan yang memberikan sepenuh tenaga dan perhatian atau menunjukkan sokongan dan azam yang sepenuhnya kepada sesuatu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010). Pekerja boleh

didefinisikan sebagai orang yang diambil bekerja oleh majikan di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau perantisan secara bertulis atau secara lisan, nyata atau tersirat (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 2016). Oleh itu, komitmen pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah merujuk kepada penglibatan dan peluang yang diberikan oleh pihak majikan untuk pekerja bekerjasama di dalam aspek pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja disamping meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang berkaitan dengan prosedur kerja selamat (Walters, 2000)

### **1.9.3 Fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja**

Perkataan fungsi ditakrifkan sebagai tugas, peranan atau jawatan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010). Manakala jawatankuasa ialah sekumpulan orang yang dilantik atau dipilih untuk melaksanakan atau mengurus tugas-tugas tertentu (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010). Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja ialah sekumpulan orang yang dilantik terdiri daripada wakil majikan dan wakil pekerja dengan objektif utama untuk memupuk kerjasama dan perundingan di antara pihak pengurusan dan pekerja dalam mengenalpasti, menilai dan mengawal bahaya di tempat kerja. (Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan, 2005).

### **1.9.4 Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja**

Menurut Dewan Bahasa dan Pustakan (2010) latihan ialah pelajaran atau didikan untuk memahirkan dan membiasakan Oleh itu latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan ditakrifkan sebagai pengetahuan keselamatan dan kesihatan yang diberikan

kepada pekerja bagi membolehkan mereka untuk bekerja dengan selamat tanpa bahaya kepada keselamatan dan kesihatan mereka (Law, Chan & Pun, 2006)



## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan mengenai perkembangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia, undang-undang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia dan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan . Seterusnya, penulis akan membincangkan mengenai faktor – faktor yang mempengaruhi tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dan akhir sekali kajian-kajian lepas mengenai kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

#### **2.1 Perkembangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia**

Perkembangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia bermula sejak 120 tahun yang lalu iaitu pada akhir abad ke-19 (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 2016). Menurut Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Keselamatan dan kesihatan pekerjaan bermula di Malaysia dengan keselamatan dandang dan kemudiannya ke atas keselamatan jentera ini diikuti dengan keselamatan industri, keselamatan dan kesihatan industri dan akhir sekali meliputi aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang meliputi semua bidang pekerjaan.

## **2.2 Perundangan berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia.**

Terdapat dua akta utama yang diguna pakai bagi menguatkuasakan berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan iaitu Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

### **2.2.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994**

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah digubal pada 25 Februari 1994 sebagai Akta 154 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam perhimpunan Parlimen dan dengan kuasa daripadanya bertujuan untuk:

- a. Menjaga keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja.
- b. Untuk melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan dan kesihatan berkaitan dengan aktiviti orang di tempat kerja.
- c. Menubuhkan Majlis Negara untuk Keselamatan dan Kesihatan.
- d. Perkara-perkara lain yang berkaitan

Akta ini dibuat memandangkan Akta Kilang dan Jentera 1967 hanya meliputi keselamatan dan kesihatan sektor pekerjaan di sektor perkilangan, perlombongan, penguarian dan pembinaan, yang mana tidak meliputi keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor-sektor yang lain.



### **2.2.2 Akta Kilang dan Jentera 1967**

Akta Kilang dan Jentera telah digubal pada tahun 1967 sebagai Akta 64 dan telah dikuatkuasakan pada tahun 1970. Kemudian, ia telah disemak semula pada 1 April 1974 dan telah dipinda kepada Akta 139 Undang-Undang Malaysia. Objektif Akta ini adalah bertujuan untuk memperuntukkan piawaian minimum bagi keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja yang mempunyai 5 orang pekerja atau lebih dan di semua tempat kerja di mana jentera digunakan, termasuklah kilang-kilang, tapak kerja binaan bangunan dan kejuruteraan.

### **2.3 Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

Pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH-MS) perlu disepadukan dengan sistem pengurusan organisasi (National Institute of Occupational Safety and Health, 2005). Keutamaan kepada keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan komitmen pihak pengurusan bagi memastikan kelancaran aktiviti di tapak pembinaan. Sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang efektif akan membolehkan pihak organisasi memantau prestasi serta mengintegrasikan banyak perubahan semasa ke dalam pengurusan hariannya. Oleh itu, sistem pengurusan telah diterima sebagai cara yang diperlukan untuk mengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagaimana pengurusan kualiti dan alam sekitar.

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH-MS) didefinisikan oleh Gallagher (2000) sebagai gabungan perancangan dan semakan, pengurusan aturan organisasi, penyusunan perundingan dan elemen-elemen program yang khusus yang

berfungsi bersama secara bersepadu untuk meningkatkan prestasi keselamatan dan kesihatan pekerja. Manakala International Labour Office (2001) mendefinisikan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSH-MS) sebagai satu set elemen yang berkait atau berinteraksi untuk mewujudkan polisi dan objektif dan cara mencapai objektif tersebut. Tujuan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja adalah bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja dan mematuhi peraturan perundangan (National Institute of Occupational Safety and Health, 2005). Sistem mengatur dan memudahkan kerumitan. Ia dibahagikan kepada komponen yang boleh diuruskan dengan sendiri, namun ia mempunyai ruang untuk berinteraksi dengan komponen lain. Sesuatu sistem mempunyai arahan, struktur dan fokus kepada tujuan dan objektif aktiviti tersebut.

Menurut International Labour Office (2001), komponen yang terdapat dalam model biasa sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerja berdasarkan kepada model Kitaran Kualiti Deming adalah seperti:

- i. Polisi
- ii. Rancang – Merancang sistem, objektif KKP, pembangunan dan pelaksanaan
- iii. Lakukan – Tanggungjawab dan akauntabiliti; kecekapan dan latihan, sistem kawalan bahaya.
- iv. Semak – Pengukuran prestasi, kemalangan, penyiasatan insiden, pengauditan
- v. Bertindak – Tindakan pencegahan dan pembetulan, penambahbaikan berterusan.

Terdapat dua piawai pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan iaitu:


- i. ILO OSH-MS : Standard Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Piawai ini telah diterbitkan pada tahun 2001. Ia merupakan piawai panduan kepada kerajaan di seluruh dunia untuk digunapakai.

- ii. OHSAS 18001: Piawai Sistem Pengurusan Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan

Piawai ini diterbitkan pada tahun 1999. Ia digunakan secara meluas dan bersijil.


Kedua-dua ILO dan OHSAS 18001 adalah berdasarkan kepada komponen Sistem Pengurusan Quality (QMS) iaitu; Rancang, Lakukan, Semak dan Bertindak (Plan, Do, Check & Act). Rajah 2.1 dibawah menunjukkan Model Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ILO-OSH 2001 manakala Rajah 2.2 menunjukkan Model Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001.



Rajah 2.1:

*Model Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ILO-OSH 2001*

**Sumber:** ILO, 2001



Rajah 2.2:

*Model Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja OHSAS 18001.*

## 2.4 Budaya Keselamatan

Budaya keselamatan dalam konteks persekitaran kerja adalah satu set adat bekerja, tabiat dan amalan yang menjadi kebiasaan apabila kita berulang kali bekerja dengan selamat berpandukan nilai-nilai teras yang melindungi dan meningkatkan kesihatan dan keselamatan individu dan alam sekitar (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 2015). Wawasan jangka panjang bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia seperti yang dinyatakan di dalam OSH-MP15 adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi mencapai sasaran mewujudkan budaya keselamatan di kalangan pekerja di Malaysia.

Menurut Rowlinson (2004), budaya keselamatan adalah berkaitan dengan sikap, tingkahlaku, sistem dan faktor persekitaran yang mempromosikan secara berkesan pengurusan keselamatan dan kesihatan. Menurutnya lagi, tahap keberkesanan dalam strategi pengurusan keselamatan dan kesihatan menentukan sama ada organisasi dikategorikan mempunyai budaya keselamatan yang baik (positif) atau budaya keselamatan yang buruk (negatif).

Cooper (2000) menyatakan bahawa budaya keselamatan dalam organisasi memberikan kesan bukan sahaja kepada kadar kemalangan, malahan kepada kaedah kerja, kebiasaan pekerja yang tidak hadir tanpa alasan yang munasabah, kuantiti, produktiviti, komitmen, kesetiaan dan pengorbanan. Budaya keselamatan sebenarnya merupakan budaya yang baik untuk diterapkan ditempat kerja bagi menggalakkan keperihatinan pekerja terhadap amalan keselamatan kepada semua pekerja dan orang lain. Turner (1991) mencadangkan antara langkah-langkah bagi memupuk budaya keselamatan termasuklah penghargaan,

pengambilan, peranan pungurusan dan polisi. Keseluruhan budaya keselamatan dan kesihatan boleh ditakrifkan sebagai satu set kepercayaan, sikap dan amalan teknikal sosial yang berkaitan pada tahap yang minimum terhadap pendedahan kepada individu di dalam dan luar organisasi terhadap keadaan yang berkaitan dengan bahaya atau kemalangan (Radhlinah, 2000).

## **2.5 Kesedaran Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerja**

Kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan salah satu elemen penting yang dikenalpasti bagi melepasi tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang ideal ditempat kerja selain tanggungjawab (peraturan, moral dan etika) dan membuat penilaian dan mengambil tindakan yang praktikal bagi menyelesaikan masalah (Anuar Ithnin, 2009).

Clarke (2003) mendefinisikan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai andaian dan kepercayaan bahawa individu dalam organisasi berpegang kepada isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini dinyatakan melalui kepercayaan, nilai-nilai dan tingkahlaku pengurus, penyelia dan tenaga kerja dan dibuktikan dalam polisi keselamatan syarikat, peraturan dan prosedur. Intipati definisi ini adalah perkongsian kepercayaan yang sama dan menghargai bahawa keselamatan kesihatan adalah keutamaan mereka sebagai pekerja. Keselamatan yang berkesan hanya boleh dicapai apabila wujud interaksi antara sistem teknologi dan manusia di tempat kerja.

Tarcan (2004), menyatakan bahawa kesedaran adalah satu kajian tentang bagaimana untuk memperbaiki pengetahuan orang yang melaksanakan tugas dengan persekitaran

tempat kerja dan bukan sesuatu yang dilakukan kepada mereka tetapi sesuatu yang membuat mereka menyertai aktiviti di tempat kerja. Selain daripada itu, organisasi menerima pakai cadangan pekerja dalam proses membuat keputusan kerana pekerja adalah orang yang akan berinteraksi dengan tempat kerja. Jadi adalah penting untuk memastikan tempat kerja adalah sesuai dengan mereka. Menurut Wynn (2008), inisiatif kesedaran terdiri daripada tiga elemen yang berkesan iaitu efektif (mengurangkan kecederaan berkaitan kerja dengan ketara), cekap (menyiapkan kerja dengan penggunaan sumber yang munasabah) dan mampan (berkekalan dan bukannya peningkatan 1 kali).

Menurut Misnan dan Mohammed (2007), terdapat tiga belas elemen penting dalam meningkatkan kesedaran pekerja seterusnya mendorong kepada pembangunan budaya keselamatan. Antaranya ialah struktur organisasi, komitmen pengurusan atasan, penglibatan pekerja, perubahan tingkahlaku, komunikasi, polisi, latihan dan pendidikan, jawatankuasa dan pengurusan keselamatan, penghargaan, motivasi, kerja berkumpulan, persekitaran kerja dan pemberian kuasa.

### **2.5.1 Komitmen Pekerja Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja**

Komitmen pekerja adalah penting dalam program keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja (Flynn, 1994). Ini kerana, pekerja yang sentiasa berwaspada dan sentiasa mematuhi prosedur kerja mereka sendiri dapat mengelakkan risiko berlakunya kemalangan yang boleh mendatangkan kecederaan dan kematian. Pekerja yang bertanggungjawab mengenai keselamatan dan kesihatan semasa melakukan kerja merupakan salah satu aset terkuat bagi sesebuah organisasi (Abu Bakar, 1996).



Kewajipan am pekerja yang sedang bekerja dijelaskan di dalam Seksyen 24 (1), Akta Keselamatan dan Kesihatan dan Pekerjaan 1994. Antara kewajipan am pekerja adalah memberi kerjasama dengan majikannya dalam menunaikan kewajipan yang dikenakan ke atasnya.

Menurut Jones (1997), aspek keselamatan perlu diberikan perhatian dengan kaedah meningkatkan pengurusan, peralatan dan kelengkapan dan penglibatan pekerja bagi menguatkan lagi kesedaran dan budaya keselamatan. Preston (1994), menggariskan 6 kunci bagi membangunkan disiplin positif antaranya: mendapatkan penglibatan pekerja supaya pekerja menghargai amalan tersebut; pemerhatian objektif bersama-sama yang memfokuskan kepada amalan kerja semasa dan berkongsi isu-isu semasa; penilaian terhadap amalan dan tingkahlaku semasa; mewujudkan pelan tindakan yang positif yang memerlukan pekerja untuk memahami keperluan cara kerja yang selamat dan pengesahan dan persetujuan pekerja untuk mendapatkan komitmen sepenuhnya terhadap pelan dan tindakan bagi mewujudkan amalan kerja yang selamat untuk keseluruhan kerja yang akan dilaksanakan.

Menurut Flynn (1994) di dalam satu laporan beliau mendapati bahawa penglibatan aktif atau komitmen pekerja dalam aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja berjaya memupuk kesedaran keselamatan pekerja terhadap isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Antara aktiviti-aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dianjurkan di tempat kerja tersebut adalah aktiviti yang menarik dan menyeronokkan yang disertai oleh pekerja seperti melakukan senaman di pagi hari dan peraduan menulis slogan keselamatan. Selain mengurangkan tekanan mental dan fizikal pekerja, kaedah ini secara tidak langsung

memberi peringatan kepada pekerja supaya melakukan tugas dengan cara selamat dan betul serta mengikuti prosedur keselamatan yang ditetapkan.

Menurut Ismail (2007), dalam kajiannya mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara komitmen pekerja dengan amalan prosedur kerja selamat di tempat kerja. Selain itu, beliau membuktikan bahawa pekerja yang diberi informasi dan mempunyai pengetahuan mengenai risiko-risiko pekerjaan akan menunjukkan amalan kerja yang selamat dan sihat di tempat kerja. Manakala Gyekye (2006) menyatakan bahawa peranan dan tanggungjawab pekerja di dalam mematuhi aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja adalah signifikan dengan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Ini jelas menunjukkan komitmen dalam mematuhi aspek keselamatan adalah penting dalam meningkatkan kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

### **2.5.2 Fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja.**

Menurut Walters (1998), penglibatan pekerja dalam program yang dianjurkan oleh jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja didapati dapat memberi kesan positif kepada usaha mengurangkan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan. Seksyen 30 (1) Akta Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan 1994 menyatakan bahawa tiap-tiap majikan dikehendaki menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja sekiranya terdapat terdapat 40 orang atau lebih diambil kerja di tempat kerja atau jika diarahkan oleh ketua pengarah. Fungsi

jawatankuasa keselamatan dan kesihatan menurut Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996 adalah:

- i. Membantu dalam penyediaan kaedah-kaedah keselamatan dan kesihatan dan sistem kerja selamat;
- ii. Mengkaji semula keberkesanan program keselamatan dan kesihatan; menjalankan kajian tentang tren kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja dan melaporkan kepada majikan apa-apa keadaan atau amalan yang tidak selamat atau tidak sihat di tempat kerja bersama-sama dengan cadangan untuk tindakan pembaikan;
- iii. Mengkaji semula dasar keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan membuat cadangan kepada majikan bagi apa-apa penyemakan dasar tersebut.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Pierce (1998), merumuskan bahawa jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja yang terdiri daripada wakil majikan dan pekerja perlu memperbaiki dan menyedarkan pekerja tentang program keselamatan, penyelesaian masalah serta memfokuskan kepada pelaksanaan aktiviti. Selain itu, beliau menyatakan bahawa jawatankuasa ini perlu terlibat dalam aktiviti pemeriksaan tempat kerja, mengkoordinasikan usaha keselamatan, latihan pekerja, komunikasi dan memimpin kumpulan kerja keselamatan.

Kajian untuk mengenalpasti pengetahuan pekerja terhadap jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dijalankan oleh Nicholas dan Wangel (1995) mendapati 47.9% responden mengakui dan mengetahui kewujudan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Responden dalam kajian ini mengakui bahawa aktiviti jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mereka menyiasat dan memeriksa sesuatu kemalangan yang berlaku di tempat kerja, membincangkan isu-isu keselamatan, menjaga aspek keselamatan kilang, menyebarkan risalah-risalah keselamatan dan kesihatan, menjaga kebajikan pekerja dan mengawal kemalangan daripada berlaku. Nicholas dan Wangel (1995) juga mendapati penyebaran maklumat keselamatan dan kesihatan dalam organisasi membolehkan semua pekerja sedar tentang isu yang ingin disampaikan dan tahu bila hendak ambil tindakan yang sesuai untuk menangani jika berlaku sebarang permasalahan berhubung keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (2000) telah menjalankan kajian ke atas 42 tapak pembinaan dan kilang di Johor dan mendapati 55 peratus kajian kes berada pada kategori memuaskan dan hasil kajian juga mendapati jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja berperanan sangat berkesan dan memainkan peranan di dalam pelaksanaan tanggungjawab serta pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan memastikan wujudnya usaha berterusan ke arah menangani isu-isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

### 2.5.3 Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja

Keselamatan adalah sesuatu yang perlu dilaksanakan dengan betul iaitu melalui latihan (Anuar, 2009). Oleh itu, majikan bertanggungjawab untuk menyediakan dan memberi latihan kepada setiap pekerja sebagai salah satu keperluan untuk mendedahkan pekerja kepada pengetahuan tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Cheal (2001) telah menyenaraikan alasan kenapa pekerja tidak melaksanakan seperti mana diharapkan oleh majikannya iaitu pekerja tidak tahu kenapa mereka perlu melakukannya; pekerja tidak tahu melakukan tugas dengan betul; latihan dan pembelajaran akan mengelakkan penyebab prestasi *substandard*; latihan dan pembelajaran memberikan mereka pengetahuan dan dengan adanya pengetahuan, sikap terhadap kerja akan berubah.

Menurut Ahmad Nor (1998), antara alasan pekerja melakukan perkara tidak selamat adalah disebabkan oleh prosedur kerja yang diberikan tidak cukup selamat dan ketinggalan zaman serta pekerja tidak diberi latihan yang mencukupi untuk mengikut prosedur yang selamat. Oleh itu, pekerja perlu diberi latihan yang mencukupi supaya timbulnya kesedaran akan kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam diri mereka.

Penyediaan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah tanggungjawab majikan kepada pekerja tersebut. Seksyen 15(2) (c) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 menyatakan bahawa majikan berkewajipan untuk menyediakan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan sebagaimana yang perlu untuk memastikan setakat yang praktik terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjanya yang sedang

berkerja. Hasil tinjauan Mohd Yusof (2000), mendapati 85% responden menyatakan pihak majikan mereka tidak memandang serius program latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Hasil tinjauan beliau juga mendapati program latihan hanya dijalankan apabila perlu sahaja dan tidak dijalankan secara berkala. Menurutnya lagi, pihak pengurusan perlu terlibat secara aktif dalam membangunkan kesedaran dan kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Antara contoh latihan mengikut tahap seperti yang dicadangkan oleh National Institute of Occupational Safety and Health (2005) adalah:

- i. Kesedaran – dasar keselamatan, peraturan, kursus induksi
- ii. Umum – Pencegahan insiden, pengenalpastian hazard,
- iii. Spesifik – pertolongan cemas, peralatan perlindungan diri, permit kerja, prosedur
- iv. Kemahiran – penyiasatan kemalangan, pengauditan, kimpalan, pengendalian
- v. Kompetensi – pengendalian kren, pemasangan perancah


## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai kaedah yang digunakan dalam kajian ini. Dalam bab ini juga akan dijelaskan mengenai kerangka kajian, rekabentuk kajian, rekabentuk soal selidik, pengukuran pembolehubah dan kaedah pengumpulan serta analisis data-data yang diperolehi daripada soal selidik.


#### 3.1 Kerangka Kajian



Rajah 3.1  
*Kerangka Kajian*

Kerangka kajian ini telah menggunakan kerangka konseptual yang dicadangkan oleh Norasyikin (2013) dalam kajiannya.

Setelah membina kerangka konseptual, kaedah yang sesuai dipilih agar data-data yang diperlukan dapat dikumpul dan dianalisa bagi mencapai objektif kajian. Rajah 3.2 dibawah menunjukkan carta alir proses-proses terlibat dalam kajian



Rajah 3.2  
*Carta Alir Proses Terlibat Dalam Kajian*



### **3.2 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk diskriptif dan bertujuan untuk melihat hubungan antara faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Kajian ini juga dijalankan secara *cross sectional*. Kajian secara *cross sectional* ini merupakan kaedah yang dilaksanakan sekali sahaja dan hanya mewakili suatu gambaran pada ketika kajian itu dijalankan. Ini termasuk pengumpulan data yang dibuat sekali sahaja dalam tempoh masa yang ditentukan (sama ada hari atau minggu atau bulan atau tahun) untuk menjawab persoalan kajian. Kaedah ini sesuai digunakan memandangkan penyelidik mempunyai kekangan masa dan mempunyai sumber kewangan yang terhad (Cooper dan Schindler, 1998 dan Sekaran, 2000).

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif ini membolehkan analisis data dibuat secara sistematik dengan menggunakan analisis statistik.

### **3.3 Populasi**

Populasi bagi kajian ini adalah terdiri daripada pekerja tapak pembinaan yang terlibat dengan projek SA2 Logistics Hub sahaja. Jumlah populasi pekerja pembinaan bagi projek SA2 Logistics Hub adalah 755 orang. Untuk menentukan saiz sampel, Jadual Krejcie dan Morgan's (1970) telah digunakan. Untuk tujuan kajian ini, saiz sampel minima ialah sebanyak 256.

Kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah pensampelan rawak mudah dimana setiap individu iaitu pekerja pembinaan iaitu pekerja pembinaan di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub mempunyai peluang yang sama untuk digunakan sebagai sampel bagi mewakili populasi.

Jadual 3.1

*Jadual untuk Menentukan Saiz Sampel Kajian*

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	246
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	181	1200	291	6000	361
45	40	180	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	190	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	200	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	210	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	220	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	230	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	240	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	250	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	260	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	270	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note: "N" is population size  
"S" is sample size.]


**Sumber:**

Krejcie & Morgan's (1997)

**3.4 Kaedah Pengumpulan Data**

Data bagi kajian ini terbahagi kepada data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data mentah yang diperolehi dan digunakan khusus oleh pengkaji untuk kajian ini. Data sekunder pula ialah data sedia ada yang digunakan oleh pengkaji. Ia merupakan laporan atau rekod bertulis sama ada tentang kajian-kajian lepas, buku-buku dan sebagainya (Cooper dan Schindler, 1998).

Rajah 3.3 menerangkan kaedah pengumpulan data kajian yang dilakukan yang melibatkan pengumpulan data primer dan data sekunder



Rajah 3.3

*Kaedah Pengumpulan Data Kajian*

### 3.5 Rekabentuk Soal Selidik

Data primer bagi kajian ini diperoleh dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpul data. Soal selidik yang sesuai dari kajian lepas oleh Norasyikin (2014) telah diadaptasikan oleh pengkaji supaya bersesuaian untuk kegunaan bagi kajian ini. Dalam kajian ini borang soal selidik dibahagikan kepada lima bahagian seperti dalam Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2  
*Rekabentuk Soal Selidik.*

Pembolehkan	Definisi Operasi	Item Soalan
Demografi	Kewarganegaraan, pengalaman bekerja, umur dan bidang kerja responden	Bahagian I
Komitmen pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	penglibatan dan peluang yang diberikan oleh pihak majikan untuk pekerja bekerjasama di dalam aspek pengurusan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja disamping meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang berkaitan dengan prosedur kerja selamat (Walters, 2000).	Bahagian II
Fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	Sekumpulan orang yang dilantik terdiri daripada wakil majikan dan wakil pekerja dengan objektif utama untuk memupuk kerjasama dan perundingan di antara pihak pengurusan dan pekerja dalam mengenalpasti, menilai dan mengawal bahaya di tempat kerja. (Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan, 2005).	Bahagian III

Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	pengetahuan keselamatan dan kesihatan yang diberikan kepada pekerja bagi membolehkan mereka untuk bekerja dengan selamat tanpa bahaya kepada keselamatan dan kesihatan mereka (Law, Chan & Pun, 2006)	Bahagian IV
Tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	Mempunyai pengetahuan mengenai risiko, bahaya dan akibatnya yang dikaitkan dengan aktiviti kerja yang dilakukan di tempat kerja (Smallwood, 2008).	Bahagian V

Faktor demografi dalam bahagian 1 dibahagikan kepada 4 soalan yang diutarakan iaitu kewarganegaraan, pengalaman bekerja dalam sektor pembinaan, umur dan bidang kerja di tapak pembinaan. Soalan – soalan yang dikemukakan ini bersesuaian dengan responden yang terlibat dengan kajian ini iaitu pekerja pembinaan yang terlibat secara langsung dengan kerja-kerja di lapangan. Jenis soalan yang digunakan di bahagian ini ialah jenis soalan tertutup. Responden diminta menjawab dengan menanda pada jawapan yang disediakan sahaja.

Bahagian II, III dan IV borang soal selidik adalah bertujuan untuk mengukur pembolehubah tidak bersandar iaitu komitmen pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja, jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Manakala bahagian V borang soal selidik adalah bertujuan untuk mengukur pembolehubah bersandar iaitu kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Untuk setiap soalan pada bahagian II, III, IV dan V, responden perlu memilih jawapan berdasarkan 5 titik kepekaan dalam skala likert seperti Jadual 3.3 di bawah.

Jadual 3.3

*Skala Pengukuran Dalam Soal Selidik*

Skor	Pandangan responden
1	Sangat tidak bersetuju
2	Tidak bersetuju
3	Neutral
4	Setuju
5	Sangat setuju

### 3.5.1 Prosedur Pengumpulan Soal Selidik

Proses pengumpulan data soal selidik telah dijalankan bermula pada 15 September 2016 hingga 31 Oktober 2016. Proses pengumpulan data bermula dengan mendapatkan kebenaran daripada kontraktor utama iaitu Kajima (Malaysia) Sdn. Bhd. Pada tempoh masa berkenaan, sebanyak 300 borang soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pekerja binaan bagi projek SA2 Logistics Hub secara bersemuka dengan responden yang terlibat. Setelah itu, soal selidik dikumpulkan untuk dianalisa. Sebanyak 260 daripada 300 borang yang diedarkan telah dikembalikan iaitu dengan peratusan sebanyak 87%.

### 3.6 Teknik Menganalisis Data

Analisa data merupakan teknik bagi pengumpulan, pengolahan, penganalisaan dan penyimpanan data. Data-data yang diperolehi diproses dengan menggunakan program Statistical Package For Social Sciences (SPSS). Seterusnya data-data telah dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif, ujian korelasi dan ujian regresi.

### **3.6.1 Statistik Deskriptif**

Kaedah analisis deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan digunakan dalam kajian ini bagi menjelaskan demografi responden. Arahkan kekerapan dan peratusan digunakan untuk mengira jumlah respon dalam bentuk jadual kekerapan.

### **3.6.2 Ujian Korelasi**

Ujian korelasi digunakan dalam kajian ini untuk melihat hubungan diantara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar. Hubungan yang dilihat dalam ujian korelasi adalah merupakan hubungan yang bersifat linear samada positif atau negatif dan skor yang diperolehi akan mentafsir kekuatan diantara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar di dalam kajian ini.

### **3.6.3 Ujian Regresi Berganda**

Ujian regresi berganda digunakan untuk menguji pembolehubah bersandar manakah yang dominan mempengaruhi kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

## **3.7 Analisis Kebolehpercayaan**

Ujian rintis melibatkan 30 pekerja binaan di tapak projek SA2 Logistics Hub. Tujuan kajian rintis ini adalah untuk menguji tahap kesesuaian item-item di dalam kajian ini. Apabila ujian '*Reliability Analysis*' memberikan keputusan yang positif, barulah kajian sebenar akan dijalankan. Ujian kebolehpercayaan merujuk kepada sejauh mana ujian itu konsisten dan stabil dalam mengukur apa yang perlu diukur (Cavana, 2001).

Prosedur ‘Cronbach’s Alpha Coefficient’ selalunya digunakan untuk mengukur darjah kebolehpercayaan instrumen dan nilai skala yang diperolehi mestilah berada pada paras .7 dan ke atas. Menurut Pavot (1991), skala yang berada di dalam keadaan yang konsisten pada bacaan ‘Cronbach’s Alpha Coefficient’ .7. Nilai maksima ujian ini adalah 1. Jika hasil ujian di bawah paras .7, penulis perlu melihat pembolehubah yang perlu dikeluarkan daripada senarai analisa statistik. Hasil ujian kebolehpercayaan bagi kajian ini adalah seperti Jadual 3.4 di bawah:

Jadual 3.4  
Keputusan Ujian Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Bilangan soalan	Cronbach’s Alpha
Faktor demografi	4	-
Komitmen pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	10	.855
Fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	7	.751
Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.	5	.840
Kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja	4	.857



### **3.8 Kesimpulan**

Kaedah dan strategi kajian ini telah diterangkan dengan terperinci di dalam bab ini. Pengkaji telah menerangkan kerangka kajian, pemilihan responden, rekabentuk dan penyediaan borang soal selidik, bahan-bahan digunakan untuk kajian dan prosedur kajian. Dalam bab ini juga diterangkan secara terperinci teknik menganalisis data yang telah digunakan. Hasil kajian dilaporkan pada bab seterusnya iaitu Bab 4.



## BAB 4

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, data-data yang telah diperolehi hasil dari kajian soal selidik dianalisa bagi mencapai keseluruhan objektif kajian seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 1.

#### 4.2 Maklumbalas Soal Selidik

Sebanyak 300 soal selidik telah diedarkan kepada responden yang telah dikenalpasti iaitu pekerja pembinaan yang terlibat secara langsung dengan kerja-kerja di lapangan di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub. Analisis ini dilakukan berdasarkan kepada pensampelan dimana hanya pihak tertentu yang dipilih bagi menjawab soal selidik ini. 260 borang soal selidik telah berjaya dikembalikan dimana peratusannya adalah sebanyak 86.67% iaitu melebihi saiz sampel minima yang diperlukan iaitu sebanyak 256 sampel. Jadual 4.1 dibawah menunjukkan rumusan analisis soal selidik yang diedarkan dan soal selidik yang dikembalikan bagi kajian yang dijalankan.

Jadual 4.1

*Rumusan Analisis Edaran dan Pengumpulan Soal Selidik.*

<b>Populasi</b>	<b>Soal selidik yang diedarkan</b>	<b>Soal selidik yang dikembalikan</b>	<b>Peratusan soal selidik dikembalikan</b>
755	300	260	86.67%

### 4.3 Analisis Peratusan dan Analisis Kekekapan

Analisis peratusan dan kekekapan digunakan untuk menganalisis data-data yang diperoleh dalam bahagian A borang soal selidik. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan kadar peratusan responden terhadap setiap jawapan yang diberikan oleh responden dalam soal selidik.

#### 4.3.1 Latarbelakang responden

##### a. Kewarganegaraan

Jadual 4.2

*Analisis Taburan Kewarganegaraan Responden.*

Kewarganegaraan	Bilangan	Peratusan (%)
Malaysia	29	11.2
Indonesia	92	35.4
Bangladesh	99	38.1
Myanmar	29	11.2
Vietnam	6	2.3
Lain-lain	5	1.9
Jumlah	260	100

Jadual 4.2 di atas menunjukkan taburan kewarganegaraan responden yang terlibat dengan soal selidik. Responden yang terlibat terdiri daripada warganegara Malaysia iaitu sebanyak 29 (11.2%), warganegara Indonesia sebanyak 92 (35.4%), warganegara Bangladesh sebanyak 99 (38.1%), warganegara Myanmar sebanyak 29 (11.2%), warganegara Vietnam sebanyak 6 (2.3%) dan lain-lain kewarganegaraan iaitu sebanyak 5 (1.9%).

b. Pengalaman bekerja dalam sektor pembinaan

Jadual 4.3

*Analisis Taburan Pengalaman Bekerja Responden Dalam Sektor Pembinaan*

Pengalaman	Bilangan	Peratusan (%)
Kurang 5 tahun	81	31.2
5 – 10 tahun	112	43.1
11 – 15 tahun	43	16.5
16 – 20 tahun	24	9.2
Jumlah	260	100

Jadual 4.3 di atas menunjukkan taburan pengalaman bekerja responden di dalam sektor peminan. Peratusan tertinggi dicatatkan oleh responden yang mempunyai pengalaman selama 5 – 10 tahun iaitu sebanyak 112 (43.1%) dan diikuti oleh responden yang mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun iaitu sebanyak 81 (31.2%). Manakala reponden yang mempunyai pengalaman 11-15 tahun mencatatkan peratusan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 43 (16.5%) dan peratusan terendah dicatatkan oleh responden yang mempunyai pengalaman 16-20 tahun iaitu sebanyak 24 (9.2%).

c. Umur

Jadual 4.4

*Analisis Taburan Umur Responden*

Umur	Bilangan	Peratusan (%)
Kurang 25 tahun	55	21.2
25 – 34 tahun	120	46.2
35 – 44 tahun	85	32.7
Lebih 45 tahun	0	0
Jumlah	260	100

Merujuk kepada Jadual 4.4 di atas, peratusan responden yang terlibat dalam kajian berumur kurang 25 tahun adalah sebanyak 55 (21.2%), responden umur lingkungan 25 – 34 tahun sebanyak 120 (46.2%), responden berumur lingkungan 35 – 44 tahun sebanyak 85 (32.7%) dan tiada responden yang berumur lebih daripada 45 tahun yang terlibat dalam soal selidik.

d. Bidang pekerjaan

Jadual 4.5

*Analisis Taburan Bidang Pekerjaan Responden.*

Bidang kerja	Bilangan	Peratusan (%)
Tukang Kayu	42	16.2
Tukang Besi	44	16.9
Tukang Konkrit	56	21.5
Mekanikal & Elektrikal	17	6.5
Operator Jentera / Mesin	28	10.8
Pekerja Am	73	28.1
Jumlah	260	100

Jadual 4.5 di atas menunjukkan taburan bidang pekerjaan responden di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub. Pecahan kepada maklumat bidang pekerjaan responden di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub adalah seperti berikut; 42 (16.2%) responden adalah tukang kayu, 44 (16.9%) responden adalah tukang besi, 56 (21.5%) responden adalah tukang konkrit, 17 (6.5%) responden adalah pekerja mekanikal dan elektrik, 28 (10.8%) responden adalah operator jentera atau mesin dan 73 (28.1%) responden terdiri daripada pekerja am.

#### 4.4 Analisis Korelasi

Kaedah ujian korelasi yang digunakan dalam kajian ini ialah korelasi Pearson. Menurut Rahim Utah (2013), ujian korelasi Pearson merupakan teknik ujian parametrik yang sesuai digunakan apabila kedua-dua pemboleh ubah yang ingin dibandingkan menggunakan skala pengukuran sekurang-kurangnya nisbah atau selang atau dalam istilah lain pembolehubah yang mempunyai nilai jawapan yang bersambung. Hasil analisis dipaparkan dalam bentuk jadual dan setiap ujian disertakan keterangan serta kesimpulan sebagai rumusan. Cohen (1988), mencadangkan garis panduan seperti Rajah 4.1 dibawah:

$r = .10$ kepada $.29$	atau	$r = -.10$ kepada $-.29$	Kecil
$r = .30$ kepada $.49$	atau	$r = -.30$ kepada $-.49$	Sederhana
$r = .50$ kepada $1.0$	atau	$r = -.50$ kepada $-1.0$	Besar

Rajah 4.1  
Garis Panduan Keputusan Ujian Korelasi

Jadual 4.6

*Analisis Korelasi bagi Faktor Yang Mempengaruhi Tahap Kesedaran Pekerja Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja.*

Faktor yang mempengaruhi	Kesedaran KKP ( r )
Komitmen pekerja pembinaan terhadap KKP di tempat kerja	.553**
Fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja	.665**
Latihan KKP di tempat kerja	.715**

\*\*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Berdasarkan kepada Rajah 4.6 di atas, nilai korelasi pearson (r) bagi ketiga-tiga pembolehubah berada di antara -1.00 kepada +1.00. Nilai ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga pembolehubah tersebut iaitu komitmen pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja, fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja mempunyai hubungan secara langsung dengan pembolehubah tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Kekuatan hubungan antara ketiga-tiga pembolehubah tersebut dengan pembolehubah kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah besar.

#### **4.5 Analisis Regresi**

Ujian regresi digunakan untuk melihat berapakah sumbangan pembolehubah-pembolehubah bersandar kepada pembolehubah tidak bersandar. Keputusan ujian regresi yang dijalankan akan menentukan faktor manakah yang menyumbang paling tinggi kepada tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap KKP di tempat kerja.

Jadual 4.7

*Analisis Regresi bagi Faktor yang Mempengaruhi Tahap Kesedaran Pekerja Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja.*

Faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran terhadap KKP	Beta	t.	Sig.
Komitmen pekerja pembinaan terhadap KKP di tempat kerja	.102	1.404	.161
Fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja	.157	1.609	.109
Latihan KKP di tempat kerja	.524	7.128	.000
$r^2 = .535$ Nilai F = 98.288 sig. F = .000			

Keputusan regresi dalam jadual 4.7 di atas menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah tidak bersandar iaitu komitmen pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja, fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dapat menghuraikan sebanyak 53.5% varian ke atas kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor mempunyai pekali beta yang positif iaitu komitmen pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja ( $\beta = .102$ ), fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja ( $\beta = .157$ ) dan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja ( $\beta = .524$ ). Antara ketiga-tiga faktor tersebut, faktor latihan keselamatan dan kesihatan



pekerjaan di tempat kerja mempunyai pengaruh yang tertinggi dengan nilai pekali beta sebanyak .524 ke atas kesedaran pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

#### **4.6 Perbincangan Hasil Kajian**

Objektif kajian dibincangkan berdasarkan dapatan kajian dan kajian literatur bertujuan untuk mengetahui sejauh mana objektif-objektif tersebut dicapai secara keseluruhan.

##### **4.6.1 Objektif 1: Mengenal pasti hubungan di antara faktor komitmen pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.**

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan secara langsung antara faktor komitmen pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dan kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Ini menunjukkan bahawa faktor komitmen pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja boleh mempengaruhi kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Komitmen yang diberikan oleh pekerja dengan mematuhi peraturan keselamatan, mematuhi prosedur kerja selamat, melaporkan sebarang kerosakan peralatan yang digunakan, menggunakan peralatan perlindungan diri yang dibekalkan dan sebagainya mempengaruhi kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Segala peraturan, prosedur dan arahan hendaklah jelas bagi memastikan pekerja faham dan tahu tentang peraturan, prosedur dan arahan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan. Menurut syarikat Kajima (Malaysia) Sdn. Bhd., segala peraturan, prosedur dan arahan didedahkan kepada pekerja semasa Kursus Induksi Keselamatan sebelum pekerja masuk ke tapak bina, ketika 'Toolbox Meeting' setiap hari sebelum memulakan kerja dan juga melalui poster, notis dan papan tanda keselamatan yang dipasang di tempat kerja. Keputusan analisa ini adalah sama dengan penemuan oleh Ramlan (1997) iaitu penyebaran dasar dan peraturan keselamatan secara kerap bertujuan untuk memastikan pekerja mendapat maklumat yang tepat dapat meningkatkan kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Menurut Mohd Yusof (2000), hasil kajiannya mendapati terdapat majikan yang gagal memberi kerjasama bagi memastikan persekitaran kerja sentiasa selamat. Oleh itu, kerjasama dan tanggungjawab daripada majikan dengan menyediakan maklumat, arahan dan latihan sebagai mana tertakluk di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 adalah penting bagi mendapatkan komitmen daripada pekerja untuk mematuhi segala peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

#### **4.6.2 Objektif 2: Mengenal pasti hubungan di antara fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja**

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan secara langsung antara faktor fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dan kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan adalah satu jawatankuasa yang terdiri daripada seorang pengerusi, seorang setiausaha, wakil-wakil majikan dan wakil-wakil pekerja. Antara fungsi jawatankuasa menurut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, adalah untuk membantu dalam pembuatan kaedah-kaedah keselamatan dan kesihatan dan sistem kerja selamat, mengkaji keberkesanan program keselamatan dan kesihatan yang telah dilaksanakan di tempat kerja, membuat kajian tentang trend kemalangan, melaporkan amalan yang tidak selamat di tempat kerja kepada majikan dan mencadangkan tindakan pembaikan dan menyemak dasar keselamatan dan kesihatan dan membuat cadangan kepada majikan bagi penyemakan tersebut.

Berdasarkan kepada maklum balas daripada responden, majoriti responden bersetuju dengan soalan-soalan yang dikemukakan bagi pembolehubah ini. Oleh itu secara keseluruhan, pekerja boleh dikatakan terlibat secara langsung dengan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan yang ditubuhkan di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub. Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan adalah merupakan instrumen yang berguna

untuk merealisasikan segala peraturan serta undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Hommedi, 1996).

Di tapak pembinaan SA2 Logistics Hub, jawatankuasa keselamatan dan kesihatan telah ditubuhkan dan terdiri daripada wakil-wakil majikan iaitu syarikat Kajima (Malaysia) Sdn. Bhd. dan juga wakil-wakil pekerja iaitu pekerja-pekerja pembinaan yang bekerja di lapangan. Jawatankuasa ini aktif menjalankan tugas mereka dengan melakukan pemeriksaan tapak bina setiap minggu dan menjalankan mesyuarat pada setiap minggu. Program-program seperti kempen keselamatan, latihan, pelan kecemasan dan sebagainya adalah anjuran daripada jawatankuasa tersebut .

Justeru itu, setiap ahli jawatankuasa keselamatan dan kesihatan hendaklah jelas dan faham akan peranan yang dipikul mereka serta mempunyai pengetahuan yang cukup bagi memastikan keberkesanan fungsi jawatankuasa tersebut dan seterusnya berperanan meningkatkan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja.

#### **4.6.3 Objektif 3: Mengenal pasti hubungan di antara latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja dengan tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja mempunyai hubungan yang signifikan secara langsung dengan kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di

tempat kerja. Faktor latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja juga merupakan faktor yang paling dominan berbanding dengan faktor-faktor lain. Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan bertindak sebagai salah satu elemen utama dalam usaha menyedarkan pekerja mengenai kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Pekerja memerlukan latihan kerana untuk mengurangkan kecederaan yang melibatkan pekerjaan, meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos insuran dan bayaran pampasan serta meningkatkan kesetiaan dan sokongan tenaga kerja (Peter & Cohen, 1996). Menurut Seksyen 15, Akta Keselematan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, latihan keselamatan dan kesihatan adalah di bawah tanggungjawab majikan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjanya.

Sehubungan dengan itu, latihan perlu dilaksanakan apabila terdapat situasi-situasi seperti terdapat pengambilan pekerja baru, perlaksanaan tugas baru seperti bahan, proses, prosedur dan peralatan baru diperkenalkan di tempat kerja. Antara jenis-jenis latihan yang kebiasaan diberikan kepada pekerja adalah kursus induksi keselamatan, latihan prosedur kerja selamat, latihan melawan kebakaran, latihan pengendalian mesin dan jentera, latihan pertolongan cemas, latihan kawad kecemasan dan sebagainya.

#### **4.6.4 Objektif 4: Menentukan faktor yang paling mempengaruhi kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.**

Faktor latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja juga merupakan faktor yang paling dominan berbanding dengan faktor-faktor lain. Ini memberikan petunjuk kepada Kajima (Malaysia) Sdn. Bhd. bahawa untuk meningkatkan tahap pematuhan keselamatan pekerjaan, maka aspek latihan perlu diberi keutamaan. Dapatan ini menyokong dapatan kajian oleh Vredenburg (2002) bahawa latihan keselamatan yang diberikan kepada pekerja dapat meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan mematuhi prosedur kerja yang selamat. Apabila semua pekerja mengambil bahagian dalam latihan keselamatan, maka terdapat beberapa kebaikan iaitu sesuatu kerja tersebut dapat dijalankan dengan berkualiti dan mewujudkan kesedaran terhadap keselamatan. Davies dan Tomasin (1996) juga menyatakan bahawa latihan keselamatan yang berkesan merupakan antara elemen asas yang menjadikan pematuhan keselamatan lebih efektif dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Latihan dan pengetahuan keselamatan yang mencukupi dapat meningkatkan kemahiran bekerja dan pada masa yang sama mengingatkan mereka supaya sentiasa mengamalkan budaya kerja yang selamat dalam rutin pekerjaan mereka. Ini disokong oleh Mullen (2004) yang berpendapat bahawa proses sosialisasi melalui program latihan yang bersesuaian perlu diberikan kepada pekerja-pekerja baru agar mereka terdedah kepada input positif yang boleh memandu mereka ke arah kerja yang selamat berdasarkan prosidur ditetapkan.

#### **4.7 Kesimpulan**

Berdasarkan analisa yang telah dijalankan, kesemua pembolehubah mempunyai hubungan secara langsung dengan kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Namun begitu, pembolehubah latihan keselamatan dan kesihatan dilihat lebih dominan mempengaruhi kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub.



## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kesimpulan dan cadangan hasil daripada penemuan dapatan kajian terhadap tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub. Selain itu, beberapa cadangan akan dikemukakan sebagai panduan kepada kajian-kajian yang akan dijalankan pada masa hadapan.

#### 5.2 Kesimpulan

Penyelidik telah menggariskan empat objektif utama untuk dikaji pada peringkat permulaan kajian iaitu pada Bab 1. Setelah beberapa ujian dan analisis telah dijalankan, keempat-empat objektif yang telah digariskan telah dicapai dengan keputusan yang baik.

Berdasarkan kepada dapatan kajian, penyelidik telah menyenaraikan beberapa kesimpulan yang diperolehi. Kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi pekerja pembinaan SA2 Logistic Hub boleh ditingkatkan lagi dengan adanya komitmen daripada pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Seksyen 24 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 telah menyatakan kewajipan am bagi pekerja yang sedang bekerja. Antara kewajipan tersebut adalah bekerjasama dengan majikannya dan orang lain dalam hal berkaitan keselamatan



dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Komitmen pekerja boleh ditingkatkan dengan adanya komitmen dari pihak majikan. Oleh itu pihak majikan iaitu Kajima (Malaysia) Sdn Bhd sebagai kontraktor utama bagi projek pembinaan SA2 Logistic Hub perlu mempertingkatkan lagi aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan memastikan kebajikan pekerja dalam konteks keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi mendapatkan komitmen daripada pekerja.

Fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja juga berperanan bagi mepertingkatkan lagi tahap kesedaran pekerja. Fungsi dan peranan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tapak pembinaan SA2 Logistic Hub perlu diperkemaskan lagi bagi memastikan ia efektif dalam menjalankan tanggungjawab. Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja merupakan salah satu medium penyaluran maklumat, di mana wakil pekerja boleh mengutarakan permasalahan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja, melaporkan sebarang bahaya yang terdapat di tempat kerja dan mencadangkan kaedah-kaedah bagi mempertingkatkan lagi tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan.

Berdasarkan dapatan kajian pada Bab 4, ternyata faktor latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja merupakan faktor yang paling dominan berbanding faktor lain dalam mempengaruhi tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di SA2 Logistic Hub. Oleh itu pihak majikan bolehlah mengutamakan latihan keselamatan dan kesihatan sebagai program di tapak pembinaan dalam mempertingkatkan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dikalangan pekerja pembinaan.

Memandangkan kajian ini berbentuk satu kajian kes di satu tempat kerja iaitu tapak pembinaan SA2 Logistic Hub, maka implikasi kajian hanyalah merujuk kepada tempat kerja ini sahaja. Walau bagaimanapun, kajian ini boleh menjadi panduan kepada tempat kerja lain khususnya tapak pembinaan dalam mempertingkatkan lagi tahap kesedaran di kalangan pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

### **5.3 Cadangan**

Penyelidik telah menyenaraikan beberapa cadangan hasil daripada dapatan keputusan kajian ini. Cadangan yang dikemukakan dibahagikan kepada cadangan kepada organisasi dan cadangan kepada kajian lanjutan.

#### **5.3.1 Cadangan Kepada Organisasi**

Sesebuah organisasi perlulah mempunyai strategi bagi mempertingkatkan lagi komitmen pekerja mereka terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Pekerja hendaklah dilayan sebagai satu aset yang paling penting dalam sesebuah syarikat. Oleh itu, majikan hendaklah mengambil tahu hal dan permasalahan pekerja di tempat kerja. Di tapak pembinaan, 'toolbox meeting' merupakan satu sesi yang terbaik bagi mendengar permasalahan pekerja di tempat kerja mereka selain membincangkan tentang kerja-kerja yang akan dilakukan pada hari tersebut. Selain itu, majikan haruslah menyelesaikan isu-isu keselamatan dan kesihatan yang diutarakan oleh pekerja secepat mungkin kerana komitmen dari majikan akan memberi kesan kepada pekerja dan pekerja akan merasa dihargai dan seterusnya

mereka akan lebih memberi komitmen mereka semula. Majikan juga hendaklah menjaga kemudahan-kemudahan bagi kebajikan mereka yang telah disediakan di tapak pembinaan supaya pekerja boleh menggunakannya dengan sebaik mungkin. Menghargai pekerja dengan memberi ganjaran atas komitmen yang diberikan oleh mereka juga merupakan salah satu cara bagi mengekalkan dan menambahkan lagi kerjasama pekerja, contohnya memberi hadiah kepada kumpulan pekerja yang mempunyai tempat kerja yang kemas dan bersih.

Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja merupakan satu jawatankuasa yang menggabungkan wakil-wakil majikan dan wakil-wakil pekerja. Di tapak pembinaan, wakil-wakil pekerja di lapangan yang terdiri daripada pelbagai kewarganegaraan dan bidang hendaklah diberi peluang untuk berada dalam jawatankuasa. Kekerapan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan menjalankan pemeriksaan di tapak pembinaan menunjukkan kepada pekerja bahawa betapa pentingnya memastikan tempat kerja itu selamat. Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan juga perlu memperbanyakkan program-program bagi mempromosikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Setiap laporan yang dilaporkan oleh pekerja hendaklah disiasat dengan segera oleh jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Hasil siasatan, tindakan pembetulan dan pencegahan hendaklah dimaklumkan kepada pekerja. Hal ini dapat mendorong mereka sedar betapa pentingnya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Bagi latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, majikan dicadangkan untuk merancang jenis-jenis latihan yang perlu disertai oleh pekerja di tapak pembinaan. Latihan seperti kursus induksi keselamatan, latihan melawan kebakaran, latihan

kawad kecemasan perlulah diwajibkan kepada kesemua pekerja di tapak pembinaan, manakala latihan yang memfokuskan kepada kerja yang spesifik juga perlu diberi kepada pekerja mengikut jenis bidang pekerjaan mereka. Selain daripada menjalankan latihan di tapak pembinaan oleh majikan itu sendiri, majikan juga boleh menjemput penyedia latihan bagi menjalankan latihan di tapak atau menghantar pekerja untuk menjalani latihan di luar. Maklum balas mengenai latihan daripada pekerja juga perlu diperolehi melalui pendedaran borang maklum balas selepas latihan itu tamat bagi mengetahui keberkesanan latihan yang diberikan dan juga keperluan untuk latihan yang akan datang. Pekerja-pekerja yang berpengalaman di tapak juga perlu digalakkan untuk berkongsi pengetahuan mereka mengenai keselamatan dan kesihatan dengan pekerja-pekerja yang kurang berpengalaman atau baru supaya ada kesinambungan pengetahuan untuk berkembang.

### **5.3.2 Cadangan kepada kajian lanjutan**

Kajian ini boleh diteruskan dengan memfokuskan kepada pelbagai jenis tempat kerja selain daripada tapak pembinaan bagi menambahkan lagi koleksi kajian berkaitan kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Selain itu, kajian ini juga boleh dikembangkan lagi dengan mengkaji faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi tahap kesedaran pekerja selain daripada tiga faktor yang dikaji dalam kajian ini. Bagi kajian terhadap organisasi yang sama, kajian ini boleh diulang sekali lagi bagi melihat perubahan tahap kesedaran pekerja setelah tindakan penambahbaikan program-program keselamatan dan kesihatan pekerjaan dilakukan oleh majikan.

#### **5.4 Penutup**

Kesemua objektif kajian bagi kajian ini telah tercapai di mana pembolehubah latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja merupakan faktor yang paling mempengaruhi tahap kesedaran pekerja pembinaan di tapak SA2 Logistic Hub terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Faktor-faktor seperti komitmen pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja, fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan juga dilihat mempengaruhi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Oleh itu pengkaji berharap kajian ini memberi manfaat kepada semua terutamanya kepada majikan-majikan dalam usaha mempertingkatkan lagi tahap kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak pembinaan mereka.



## RUJUKAN

- Abu Bakar Che Man. (1996). Legislation in Malaysia. Perspective of Occupational Safety and Health. Bangi. NIOSH
- Ahmad Nor Salleh, (1998). Working Towards a Safe & Health Work Culture, National Occupational Safety And Health Conference, PWTC, Kuala Lumpur.
- Ahmad Nazri Hj Abdul Azid, Juhary Hj Ali, and Roselina Ahmad Saufi. (1999). Factors Influencing the implementation of occupational safety and health in the electronics and electrical industry, Academy of Management Conference Prosiding, Kuala Terengganu.
- Annuar Ithnin. (2009). Tahap Pengetahuan Keselamatan dan Kesihatan di Kalangan Pekerja di Makmal Perubatan di Lembah Kelang. Journal of Community Health 2009. Vol 15.
- Akta Keselamatan dan kesihatan pekerjaan 1994. Akta 514. International Law Book Service, Petaling Jaya , Malaysia
- Akta Kilang dan Jentera 1967. Akta 139. International Law Book Service, Petaling Jaya, Malaysia
- Bennet, D. (2002). Health and safety management systems: Liability of asset. Journal of Public Health Policy, 23 (2), 153-171.
- Bhattacharjee, S., Gosh, S. (2011). Safety Improvement Approaches in The Construction Industry: A Review and Future Directions, Proceeding of 47<sup>th</sup> ASC Annual International Conference.
- Cavana, R.Y., Delahaye, B.D., & Sekaran, U., (2001). Applied Business Research: Qualitative and Quantitative Methods. Melbourne: John Wiley & Sons.
- Cheal, N.E. (2001), Evaluating Toolbox Training Safety Programme For Construction and Mining, Washington: Department of Health & Human Services & National Institute for Occupational Safety and Health, Dec. 5, 2001. Vol. 66, No. 234.
- Clarke, (2003) "The contemporary workforce: Implications for organisational safety culture", Personnel Review, Vol. 32 Iss: 1, pp.40 - 57
- Cooper, M.D (2000). Towards Model of Safety Culture. Journal of Safety Science, No. 36, pp.111-136
- Cooper, M. D. & Philips, R. A. 2004. Exploratory analysis of the safety climate and safety behaviour relationship. Journal of Safety Research 35(5): 497-512.
- Dewan Bahasa & Pustaka (2010) Kamus Dewan Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

- Davies, V. J. & Tomasin, K. 1996. *Construction Safety Handbook*. London: Thomas Telford Publishing, Thomas Telford Services Ltd
- E. Sawacha, S. Naoum & D. Fong (1991). Factors Affecting Safety Performance on Construction Sites. *International Journal of Project Management* Vol. 17, No. 5, pp. 309-315.
- Fong Chan Onn. (2000). *Teks Ucapan Pelancaran Kempen Bulan Keselamatan dan*. Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia.
- Flynn, G. (1994). *Company Strive for Yawn-Free Safety Awareness*. *Personal Journal*, Jun, Vol 73 Issues 7. Goetsch, D.L (1999). "Occupational Safety and Helath for Technologies, Engineers and Managers." New Jersey: Prentice Hall.
- Gallagher, C. (2000). *Occupational Health and Safety Management System: System Types and Effectiveness*, Unpublished Phd. Deakin University, Melbourne.
- Garavan, T.N. & O'Brien, F. (2001). An investigation into the relationship between safety climate and safety behaviours in Irish organisations. *Irish Journal of Management* 22(1): 141-170.
- Gorard, S. (2001). Quantitative methods in educational research: The role of numbers made easy. *British Educational Research Journal*, 30.
- Grossman, S.I. (1996). *Occupational Safety and Health Administration US Department of Labour, Journals of OSHA Technical Data Centre*, dlm. SIA Newsletter 96-97: July 1996.
- Gyekye, S. A. (2006). *Workers Perception of Workplace Safety: An African Perspective*. *International Journal of Occupational Safety and Ergonomic (JOSE0*, 12 (1), 31-42.
- International Labour Office (2001). *Guidelines on Occupational Safety and Health Management Systems (ILO-OSH 2001)*. Geneva, Switzerland.
- Ismail, A. F. (2007). *A Survey on Employees Perception Toward Safety Culture and the Influences on Employers Safety Performance: A Case Study at Great Wall Plastic Industries Berhad*. Master Thesis. UUM Sintok, Kedah.
- Jamal Khan, M.K. (2003). *Determinants of Occupational Safety and Health Performance in Small & Medium Manufacturing Settings*. Phd Thesis. Sintok, Kedah, UUM.
- Jones, C.L (1997), *Tower of Strength*, *Journal of Mining Technology*, March 1997 V79, no 907, pp 73-80.
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (2000). *Malaysia: Kementerian Sumber Manusia*

- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (2015). Occupational Safety and Health Master Plan for Malaysia 2015 (OSHMP15). Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (2016). Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2010. Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.
- Krejcie, Robert N., Morgan, daryle W., (1970). Determining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement.
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (2016). Definisi. Retrieved from: <http://www.kwsp.gov.my/portal/employers/faq/employer/definition>
- Law, W. K, Chan, A.H.S & Pun, K.F. (2006). Prioritizing the Safety Management Elements: A Hierarchical Analysis for Manufacturing Enterprise, Industrial Management & Data Systems, 106 (6), 778-792.
- Lee Lam Thye. (1999). Occupational Safety and Health Management. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusof Amadan (2000). "Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja." Berita Harian. 24 Januari 2000.
- Misnan, M S and Mohammed, A H (2007) Development of safety culture in the construction industry: a conceptual framework. In: Boyd, D (Ed) Procs 23rd Annual ARCOM Conference, 3-5 September 2007, Belfast, UK, Association of Researchers in Construction Management, 13-22.
- Mullen, J. 2004. Investigating factors that influence individual safety behavior at work. Journal of Safety Research 35: 275-285.
- National Institute of Occupational Safety and Health (2005), Training Manual for SHO Certificate Programme Module 1: OSH Management. National Institute of Occupational Safety and Health, Malaysia.
- National Institute of Occupational Safety and Health (2005), Training Manual for SHO Certificate Programme Module 2: OSH Legislation. National Institute of Occupational Safety and Health, Malaysia.
- National Institute of Occupational Safety and Health (2005), Training Manual for SHO Certificate Programme Module 2: Occupational Health & Industrial Hygiene. National Institute of Occupational Safety and Health, Malaysia
- National Institute of Occupational Safety and Health (2005), Training Manual for SHO Certificate Programme Module 2: Occupational safety. National Institute of Occupational Safety and Health, Malaysia
- Nicholas, C. dan Wang, A. (1995). Safety at Work in Malaysia an Anthology of Current Research. Kuala Lumpur: Institute of Advanced Studies.



- Norasyikin (2013), Kajian Mengenai Tahap Kesedaran Pekerja di TNB Janamanjung Sdn. Bhd. Berhubung dengan Aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja. Master Project Paper. Universiti Utara Malaysia, Kedah.
- Peyton, R.X. & Rubio, T.C. (1991). *Construction Safety Practices and Principles*, New York: Van Nostrand Reinhold, pp 20-22.
- Pierce, F.D. (1998). Does Organizational Streamlining Hurt Safety and Health?"*Professional Safety*.
- Preston, R. & Topf, M. (1994), *Safety Discipline: a Constructive Approach*, *Journal of Occupational Hazards*, Vol. 56, No. 3.
- Radhlinah Kunju Ahmad (2000). *Developing a Proactive Safety Performance Measurement Tool (SPMT) for Construction Site*, Loughborough University: Degree of Doctor of Philosophy.
- Rahim Utah (2013). *IBM SPSS Statistics for Windows*. Pejabat Teknologi Maklumat, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor
- Ramlan Zainal Abidin (1997). *Latihan Dalam Bidang Keselamatan dan Kesan Terhadap Kesedaran Keselamatan Di Tempat Kerja : Satu Kajian Di Kilang X (M) Sdn. Bhd.*"Projek Sarjana Pengurusan Teknologi : Universiti Teknologi Malaysia. Tidak Diterbitkan
- Rowlinson, S. (2004). *Construction Safety Management System*, London & New York: Spoon Press, pp. 1-103.
- Saleh, Mohamad Rafi (1996) *Organisasi Keselamatan Dalam Firma Kontraktor Penubuhan Dan Perlaksanaannya*. Masters thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Shamil Naoum (2001). *People and Organizational Management in Construction*, London: Thomas Telford Publishing, pp. 228.
- Smallwood, I. M. (2008). *Health and Safety (H&S) awareness and implementation in Botswana's Construction Industry*. *Engineering Design and Technology*, 6.
- Sulastre Mat Zin & Faridah Ismail (2011). *Employer's Behavioural Safety Compliance Factors toward Occupational, Safety and Health Improvement in the Construction Industry*. AcE-Bs 2011 Bandung.
- Turner B. A (1991). *The Development of a Safety Culture*, *Journal of Chemistry and Industry*, April 1991, No. 7, pp. 241-243.
- Vredenburg, A. G. 2002. *Organizational safety: Which management practices are most effective in reducing employee injury rates?*. *Journal of Safety Research* 33: 259-276

Walters, D. (2000). Employee Representation on Health and Safety and European Works Council. *Industrial Relations Journal*, 21, 307-318.

Wynn M.L (2008). Highlights of an Industry Benchmarking Study: Health and Safety Excellence Initiatives. *Journal of Chemical Health and Safety*. Vol 15, Issue 3 pp.22-24.



## LAMPIRAN

### Soal Selidik



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

**TAHAP KESEDARAN PEKERJA PEMBINAAN TERHADAP KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN: KAJIAN DI TAPAK PEMBINAAN PROJEK SA2 LOGISTICS HUB**

---

**Bahagian I: Demografi**

*Arahan: Sila tandakan / pada petak yang berkenaan.*

- |   |   |   |
|---|---|---|
| 1. Kewarganegaraan:                           | <input type="checkbox"/> Malaysia<br><input type="checkbox"/> Indonesia<br><input type="checkbox"/> Bangladesh          | <input type="checkbox"/> Myanmar<br><input type="checkbox"/> Vietnam<br><input type="checkbox"/> Lain-lain                        |
| 2. Pengalaman bekerja dalam sektor pembinaan: | <input type="checkbox"/> Kurang 5 tahun<br><input type="checkbox"/> 5-10 tahun<br><input type="checkbox"/> 11-15 tahun  | <input type="checkbox"/> 16-20 tahun<br><input type="checkbox"/> Lebih 20 tahun   |
| 3. Umur                                       | <input type="checkbox"/> Kurang 25 tahun<br><input type="checkbox"/> 25-34 tahun  | <input type="checkbox"/> 35-44 tahun<br><input type="checkbox"/> Lebih 45 tahun   |
| 4. Bidang Kerja                               | <input type="checkbox"/> Tukang Kayu<br><input type="checkbox"/> Tukang besi<br><input type="checkbox"/> Tukang konkrit | <input type="checkbox"/> Mekanikal & Elektrikal<br><input type="checkbox"/> Operator Mesin<br><input type="checkbox"/> Pekerja Am |

**Bahagian II: Komitmen pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja**

Berdasarkan kenyataan di bawah, sila nyatakan persetujuan anda terhadap kenyataan-kenyataan berikual berdasarkan skala diberi:

- |                          |                   |           |
|--------------------------|-------------------|-----------|
| 1 Sangat tidak bersetuju | 2 Tidak bersetuju | 3 Neutral |
| 4 Setuju                 | 5 Sangat setuju   |           |

*Arahan: Sila tandakan / pada petak yang berkenaan.*

- |  |  |
|--|--|
| 5. Saya mematuhi semua peraturan keselamatan yang ditetapkan   | <input type="checkbox"/> 1 <input type="checkbox"/> 2 <input type="checkbox"/> 3 <input type="checkbox"/> 4 <input type="checkbox"/> 5 |
| 6. Saya memahami peraturan-peraturan keselamatan di tempat kerja.  | <input type="checkbox"/> 1 <input type="checkbox"/> 2 <input type="checkbox"/> 3 <input type="checkbox"/> 4 <input type="checkbox"/> 5 |
| 7. Mematuhi Prosedur Kerja Selamat (SOP) yang ditetapkan sebelum, semasa dan selepas melaksanakan tugas adalah sangat penting. | <input type="checkbox"/> 1 <input type="checkbox"/> 2 <input type="checkbox"/> 3 <input type="checkbox"/> 4 <input type="checkbox"/> 5 |
| 8. Menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) dengan cara yang betul.   | <input type="checkbox"/> 1 <input type="checkbox"/> 2 <input type="checkbox"/> 3 <input type="checkbox"/> 4 <input type="checkbox"/> 5 |
| 9. Mematuhi arahan yang diberikan sebelum memulakan kerja  | <input type="checkbox"/> 1 <input type="checkbox"/> 2 <input type="checkbox"/> 3 <input type="checkbox"/> 4 <input type="checkbox"/> 5 |

10. Keselamatan mestilah diutamakan dalam membuat keputusan. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
11. Saya tidak merokok di tempat / kawasan 'Dilarang Merokok'. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
12. Saya sering memastikan peralatan di tempat kerja bersih dan kemas. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
13. Sebarang kerosakan peralatan perlu dilaporkan segera. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
14. Saya sentiasa peka kepada sebarang perubahan ti tempat kerja yang boleh memberi ancaman kepada keselamatan 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---

### **Bahagian III: Fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja**

Berdasarkan kenyataan di bawah, sila nyatakan persetujuan anda terhadap kenyataan-kenyataan berikual berdasarkan skala diberi:

- 1 Sangat tidak bersetuju      2 Tidak bersetuju      3 Neutral  
4 Setuju      5 Sangat setuju

*Arahan: Sila tandakan / pada petak yang berkenaan.*

15. Saya sedar tentang kewujudan JKPP di tempat kerja. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
16. Ceramah keselamatan yang dianjurkan oleh JKPP menyedarkan saya tentang kepentingan menjaga keselamatan ketika bekerja. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
17. JKPP menyiasat setiap kemalangan nyaris (near miss) dan kemalangan yang berlaku. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
18. JKPP menjalankan tugasnya dengan sempurna. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
19. JKPP memainkan peranan meningkatkan kesedaran keselamatan di tempat kerja. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
20. JKPP sentiasa memeriksa tempat kerja bagi mengenal pasti keadaan dan kelakuan tidak selamat. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
21. JKPP mengambil tindakan terhadap keadaan dan kelakuan tidak selamat di tempat kerja. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---

### **Bahagian IV: Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja**

Berdasarkan kenyataan di bawah, sila nyatakan persetujuan anda terhadap kenyataan-kenyataan berikual berdasarkan skala diberi:

- 1 Sangat tidak bersetuju      2 Tidak bersetuju      3 Neutral  
4 Setuju      5 Sangat setuju

*Arahan: Sila tandakan / pada petak yang berkenaan.*

22. Program latihan keselamatan adalah amat penting. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
23. Saya perlu mengikuti program latihan keselamatan secara berterusan. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
24. Program latihan keselamatan perlu didedahkan kepada semua pekerja. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
25. Latihan pelan tindakan kecemasan adalah sangat penting di tempat kerja. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
26. Latihan pertolongan cemas adalah sangat penting di tempat kerja. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---

**Bahagian V: Kesedaran pekerja pembinaan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.**

Berdasarkan kenyataan di bawah, sila nyatakan persetujuan anda terhadap kenyataan-kenyataan berikut berdasarkan skala diberi:

- 1 Sangat tidak bersetuju      2 Tidak bersetuju      3 Neutral  
4 Setuju      5 Sangat setuju

*Arahan: Sila tandakan / pada petak yang berkenaan.*

27. Pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja menyedarkan saya kepentingan menjaga keselamatan dan kesihatan saya semasa bekerja. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
28. Latihan keselamatan dan kesihatan meningkatkan kesedaran saya terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
29. Saya sentiasa peka dan sedar bahawa keadaan dan kelakuan yang tidak selamat boleh membahayakan diri saya semasa bekerja. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---
30. Saya sentiasa peka kepada sebarang perubahan di tempat kerja yang boleh memberi ancaman bahaya kebakaran. 

1	2	3	4	5
---	---	---	---	---

**" TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA ANDA "**